

BENGGKEL PANDAI MAIN DART

Azlina Binti Mohd Mydin

Jabatan Sains Komputer Dan Matematik, (JSKM) UiTM Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan satu sesi bengkel "Pandai main Dart". Program ini dirancang untuk dijalankan secara berterusan selama 2 hari dalam minggu yang berbeza. Program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan mencari pelapis bagi mewakili JSKM. Dengan adanya sesi bengkel ini, penerangan dan latihan diberikan agar warga JSKM mendapat peluang yang sama untuk menonjolkan bakat masing-masing dalam permainan tersebut. Ini juga membuka peluang pencari pemain Dart yang boleh mewakili secara khususnya dan UiTM Cawangan Pulau Pinang secara amnya.

Pada 9 Mac 2022 telah diadakan satu sesi taklimat cara bermain dan pengiraan markah bagi permainan dart selama 2 jam. Seramai 21 orang warga JSKM telah mengikuti bengkel ini. Penceramahny, Pn Noor 'Aina Abd Razak juga memberi tips yang sangat penting untuk membolehkan peserta mendapat markah dan menang dengan mudah dalam permainan dart ini. Selepas sesi taklimat, satu sesi latihan diberikan kepada semua peserta yang dapat mempraktikkan apa yang diajar dalam sesi taklimat tersebut.

Pada 21 Mac 2022 bengkel ini diteruskan dengan sesi latihan dan satu pertandingan diadakan dikalangan mereka yang dipilih mempunyai potensi untuk bermain dart. Seramai 12 warga JSKM yang dipilih menyertai pertandingan ini. Mereka dibahagikan kepada 3 kumpulan. Pertandingan Dart dikalangan warga JSKM dijalankan selama 1 jam.

Program 'Bengkel Pandai Main Dart' yang diadakan ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan pengalaman warga JSKM. Selain itu, dengan adanya

bengkel ini bakat baru dikalangan warga JSKM untuk bermain dart dapat dikenalpasti untuk mewakili jabatan dan UiTM Cawangan Pulau Pinang untuk aktiviti sukan seperti Karista 2022.

